

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	23 JANUARY 2017

Pas tidak beri laluan kepada PPBM

Um - 23/1/2017

KUALA LUMPUR 22 Jan. - Pas bertegas tidak akan melepaskan kerusi Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (DUN) miliknya kepada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) dalam pilihan raya umum akan datang walaupun Pengerusi PPBM, Tun Dr. Mahathir Mohamad mendakwa parti baharu pimpinannya itu mampu mengalahkan mereka.

Naib Presidennya, **Idris Ahmad** berkata, mana-mana parti sekali pun tidak boleh menyalahkan Pas jika berlaku pertandingan tiga penjuar atau lebih kerana Pas sudah lama bertanding di kawasan yang ingin ditandingi oleh PPBM.

“Dr. Mahathir mungkin mempunyai masalah peribadi dengan Pas. Beliau perlu ingat, Pas adalah parti yang sudah lama usianya, yang bersalah ialah parti baharu kerana datang bertanding di tempat Pas.

“Pas tidak akan tarik diri daripada mana-mana kerusi yang memang menjadi milik kami hanya kerana ingin memberi laluan kepada parti baharu,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam satu temu bual dengan akhbar Singapura, *The Sunday Times*, Dr. Mahathir berkata, pakatan harapan yang diketuai DAP tidak memerlukan Pas memandangkan PPBM sendiri boleh mengalahkan parti itu sekiranya berlaku pertembungan pada pilihan raya umum nanti.

Dalam pada itu, Ketua Pene-

rangan Dewan Ulama Pas Pusat, **Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali** memberitahu, Pas juga tidak memerlukan bantuan daripada pakatan pembangkang bagi meneruskan kesinambungan politiknya.

“Secara realiti, kebanyakan wakil rakyat pakatan bergantung kepada jentera Pas dalam pilihan raya sebelum ini.

“PPBM sendiri memerlukan Pas untuk rundingan kerusi malah sebenarnya sokongan kepada Pas ternyata adalah lebih separuh daripada kekuatan pakatan harapan sebagaimana yang ditunjukkan oleh banyak kajian dijalankan sebelum ini,” jelasnya.

Sementara itu, Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan Pas, **Dr. Mohd. Zuhdi Marzuki** menjelaskan, Dr. Mahathir dilihat terpaksa mengeluarkan kenyataan sedemikian sebagai salah satu strategi politiknya.

“Pada pandangan saya, memang Dr. Mahathir sengaja mengeluarkan kenyataan sebegini, tetapi bukan kerana dia memandang rendah terhadap Pas, sebaliknya dia bimbang dengan pengaruh Pas.

“Sebagai seorang diktator dalam dunia politik, Dr. Mahathir tahu hanya Pas yang boleh menggugat beliau dalam blok pembangkang. Disebabkan itu, beliau tidak mengalukan Pas meskipun Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin amat mengharapkan hubungan tersebut,” jelasnya.